

PEMBANGUNAN PULAU PINANG SEMASA PENTADBIRAN
KETUA MENTERI TAN SRI WONG POW NEE
1957 - 1969

JULIE TANG SU CHIN

ARKIB

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG
MAC 1993

rb
fAC895
M22C541

PEMBANGUNAN PULAU PINANG SEMASA PENTADBIRAN
KETUA MENTERI TAN SRI WONG POW NEE
1957-1969

JULIE TANG SU CHIN

LATIHAN ILMIAH UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA (KEPUJIAN)
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG
SESSI 1992/1993
MAC 1993

Kepada ibu saya, dan mendiang bapa saya

Tanpa mereka tiadalah saya

Penghargaan

Saya terhutang budi kepada ramai orang dalam penyiapan Latihan Ilmiah ini. Pertama saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Naib Canselor Universiti Sains Malaysia, Y.Bhg. Datuk Haji Musa b. Mohamad selaku Pengerusi Wang Kumpulan Pengajian Pembangunan Majlis Perbandaran Pulau Pinang atas peruntukan Geran Kumpulan Wang Bekal Hidup. Tanpanya saya tidak mungkin mampu menjalankan penyelidikan dengan sempurna.

Saya juga ingin merakamkan berbanyak terima kasih kepada Tan Sri Dato' Wong Pow Nes yang sudi ditemubual dan meluangkan masa menjawab soalan-soalan saya. Terima kasih juga diucapkan kepada beliau atas pinjaman koleksi yang tidak ternilai harganya.

Saya sangat terhutang budi kepada Penyelia saya, Profesor Cheah Boon Kheng yang membaca draf-draf saya dengan penuh kesabaran dan memberikan penilaian yang berharga kepada saya. Jasa beliau tidak akan dilupai.

Terima kasih mesti diucapkan kepada kakitangan Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang; Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur; Arkib Negara Malaysia, Cawangan

Pulau Pinang; Perpustakaan Awam Pulau Pinang; Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Pulau Pinang dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang atas kerjasama mereka.

Akhir kata, terima kasih turut diucapkan kepada Puan Katherine Chee yang tidak kenal letih menyiapkan draf dan Latihan Ilmiah ini.

Berat, Ukuran Dan Matawang

Berat:	1 tan panjang	=	1.01604 kg
Ukuran:	1 kaki persegi	=	0.093 m persegi
	1 ekar	=	0.405 ha
	1 batu	=	1.60934 km
Matawang:	Sejak 1904 ringgit Selat digunakan. 1 ringgit Selat = 2 s 4 d Sterling. Sejak Merdeka ringgit tempatan digunakan.		

Kandungan

	Muka Surat
Penghargaan	iii
Berat, Ukuran Dan Matawang	v
Pengenalan	vii
Bab	
I	1
II	17
III	49
IV	83
V	102
Gambar	106
Lampiran	
A Surat Perlantikan Ketua Menteri Pulau Pinang 1957	119
B Surat Perlantikan Ketua Menteri Pulau Pinang 1959	120
C Surat Perlantikan Ketua Menteri Pulau Pinang 1964	121
Bibliografi	122

Pengenalan

Kajian ini menumpukan perhatian pada pentadbiran Tan Sri Wong Pow Nee semasa beliau menyandang jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang Pertama dari tahun 1957 ke 1969. Setakat ini, tajuk ini belum dikaji oleh para sarjana lain. Saya memilih tajuk berkenaan kerana mendapati bahawa pentadbiran Tan Sri Wong adalah penting dan beliau telahpun memberikan sumbangan kepada pembangunan socio-ekonomi Pulau Pinang dalam suatu masa peralihan dari hujung era Penjajahan British ke era baru Kemerdekaan Semenanjung Tanah Melayu. Beliau telah meletakkan batu asas pembangunan Pulau Pinang dalam tiga tempoh pentadbirannya, yang kemudian membolehkan penggantinya Dr. Lim Chong Eu melancarkan pembangunan negeri tersebut berikutnya.

Bab I menonjolkan Wong Pow Nee sebagai pilihan kedua kepada penjawatan Ketua Menteri Pulau Pinang Pertama bahkan sebagai Ketua Menteri yang keberatan. Beliau sebenarnya ditawarkan kerusi tersebut setelah tanggungjawab itu ditolak oleh Dr. Lim Chong Eu, ahli politik berkaliber dalam Parti Perikatan. Walaupun beliau telah diberikan keyakinan menerajui pentadbiran Pulau Pinang, namun beliau memperlihatkan keberatan menerimanya disebabkan kurang yakin terhadap keupayaan sendiri. Walaupun tidak dapat dinafikan beliau amat kekurangan dari segi penglibatan politik, namun beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam kerja-kerja kebajikan dan disertai semangat berkhidmat kepada rakyat,

beliau telah dilengkapi dengan peralatan memandu 'bahtera' * Perikatan Negeri dalam pelayaran pertamanya.

Bab II menunjukkan betapa perlunya rancangan pembangunan beliau ditujukan ke arah peningkatan taraf ekonomi dan taraf hidup penduduk desa. Dalam menghadapi tugasnya, beliau mendapati majoriti penduduk tersebut telah terbiar dalam masa penjajahan British. Justeru beliau berusaha membangunkan kawasan tersebut demi mengatasi masalah jurang ekonomi yang luas antara bandar dan luar bandar. Menghadapi masalah kekurangan tanah yang kosong untuk dibangunkan, beliau terpaksa merujuk kepada alternatif melaksanakan pembangunan corak intensif dalam pertanian dan mempelbagaikan tanaman sejajar dengan memperbaiki kaedah penternakan dan penangkapan-pembelaan ikan. Ini bermakna bahawa disebabkan tidak dapat melaksanakan kerja-kerja pembangunan tanah, beliau menumpukan usaha terhadap peningkatan hasil pengeluaran sektor ekonomi petani.

Bab III pula mengkaji dasar pengindustrian negeri Wong yang merupakan langkah pertama untuk menyelesaikan masalah paling besar yang menyelubungi pentadbiran beliau iaitu pekerjaan dan untuk mengelakkan pergantungan pada sektor perdagangan yang terbukti terdedah kepada pergolakan politik dan ekonomi luar negeri. Beliaulah yang telah meletakkan batu asas bagi pembangunan Pulau Pinang sebagai

* 'Bahtera' merupakan simbol Parti Perikatan Negeri

negeri perindustrian utama.

Bab IV seterusnya membincangkan sebab-musabab yang membawa kepada kejatuhan beliau dan ketewasan Parti Perikatan Negeri di tangan Gerakan Rakyat Malaysia pada 1969. Kegagalan menyelesaikan isu-isu semasa iaitu perlucutan status pelabuhan bebas bahagian pulau dan perbezaan kepentingan antara pulau dengan tanah besar ternyata mengorak langkah ke arah lunturnya sokongan rakyat, khasnya pengundi terhadap pucuk pimpinan beliau. Secara ironisnya muncul pula parti-parti pembangkang yang menyediakan calon-calon berkaliber terutama sekali Dr. Lim Chong Eu, calon pilihan pertama kepada kerusi Ketua Menteri, sebagai cabaran kepada pucuk pimpinan Wong. Faktor-faktor tersebut dengan mudah telah mengakibatkan kekalahan teruk Parti Perikatan Negeri pada 1969 oleh kerana para pengundi tiada lagi menaruh kepercayaan terhadap pentadbiran beliau.

Akhirnya, Bab V di samping membentangkan kesimpulan juga mengemukakan suatu ringkasan mengenai bab-bab sebelumnya.